

Media : Harian Metro

Date : 6 June 2023

## Sarah fokus Sukan Asia

**Seremban:** Selepas gagal mempertahankan pingat emas acara lompat bergalah di Sukan Sea Kemboja, baru-baru ini, Nor Sarah Adi kini fokus kepada aksi di Sukan Asia di Hangzhou, China, September depan.

Di Kemboja, Sarah membawa pulang pingat perak selepas menduduki kedudukan kedua dengan lompatan setinggi 4.05 meter (m).

Ketika di Sukan Sea Hanoi, Vietnam Mei tahun lalu, dia memenangi pingat emas dalam acara lompat bergalah dan memenangi pingat gangsa dalam acara lari berganti-ganti 4x100 meter (m).

Sarah berkata, walaupun gagal mempertahankan emas di Sukan Sea, lompatan 4.05m itu adalah pencapaian terbaik peribadinya bagi tahun ini.

Menurutnya, pihaknya yakin catatan itu dapat ditingkatkan lagi apabila galah baharu akan tiba dalam tempoh terdekat ini.

"Masa persiapan Sukan Sea di Kemboja tempoh hari, saya tak sempat guna galah baharu, tapi sekarang tempahan galah sudah dibuat dan galah ba-



NOR Sarah (kanan) menerima cenderahati daripada wakil syarikat AMB di Nilai. Foto MOHD AMIN JALIL

haru ini nanti lebih sesuai dengan fizikal saya.

"Apabila kecederaan pulih sepenuhnya, saya mulakan latihan secepat mungkin untuk persiapan beberapa kejohanan terutama Sukan Asia di China, September nanti.

"Ia penyertaan pertama saya di temasya sukan terbesar itu dan sudah tentu mahukan pencapaian lebih

tinggi serta keputusan yang lebih baik," katanya bersama dua lagi atlet olahraga iaitu Andre Anura Anuar (lompat kijang) dan Queenie Ting Kung Ni (lempar cakera) diraikan dalam majlis ramah mesra dan meraikan kejayaan atlet Sukan Sea Kemboja bersama syarikat Ajinomoto (Malaysia) Berhad (AMB) di Pusat Hab Halal Bandar Enstek, Nilai.

# Media : Harian Metro Online

Date : 5 June 2023

## Nor Sarah sasar beraksi di Olimpik

Mohd Amin Jalil  
sukan@metro.com.my




Seremban: Bersaing di peringkat tertinggi di Sukan Olimpik menjadi sasaran utama jaguh lompat bergalah kebangsaan, Nor Sarah Adi.

Meskipun impian itu bukan mudah untuk dicapai namun atlet berusia 22 tahun ini yakin ia boleh direalisasikan.

"Kalau boleh saya nak pergi Olimpik, itu sasaran utama, soal sukar atau apa juga halangan itu perkara lain, insya-Allah kalau ada rezeki.

"Saya yakin dan percaya, ia boleh dicapai dengan latihan bersungguh-sungguh dan bimbingan daripada jurulatih," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Pada penyertaan di Sukan Sea di Kemboja baru-baru ini, Sarah membawa pulang pingat perak selepas mengakhiri saingan di kedudukan kedua dengan lompatan setinggi 4.05 meter (m).



Berbanding di Sukan Sea di Hanoi, Vietnam tahun lalu, dia memenangi pingat emas dalam acara lompat bergalah dan memenangi pingat gangsa dalam acara lari berganti-ganti 4x100m.

Sarah berkata, walaupun gagal mempertahankan emas di Sukan Sea lalu, namun lompatan 4.05m itu dianggap pencapaian terbaik peribadinya bagi tahun ini.


Menurutnya, pihaknya yakin catatan itu akan dapat ditingkatkan lagi apabila galah baharu akan tiba dalam tempoh terdekat ini.

"Masa persiapan Sukan Sea di Kemboja tempohari, tak sempat guna galah baharu, tapi sekarang tempahan galah sudah dibuat dan galah baharu ini nanti lebih sesuai dengan fizikal saya.

"Apabila proses kecederaan pulih sepenuhnya, saya akan mulakan latihan secepat mungkin untuk persiapan menghadapi beberapa kejohanan terutamanya Sukan Asia di China, September nanti.

"Ia penyertaan pertama saya di temasya sukan terbesar itu nanti dan sudah tentu saya mahukan pencapaian yang lebih tinggi serta keputusan yang lebih baik," kata penuntut tahun tiga Universiti Putra Malaysia (UPM) itu.

Baru-baru ini, dia bersama dua lagi atlet olahraga iaitu Andre Anura Anuar (lompat kijang) dan Queenie Ting Kung Ni (lempar cakera) diraikan dalam majlis ramah mesra dan meraikan kejayaan atlet Sukan SEA Kemboja bersama syarikat Ajinomoto (Malaysia) Berhad (AMB) di Pusat Hab Halal Bandar Enstek, Nilai.



### Andre Anura fokus baharui catatan peribadi terbaik

Mohd Amin Jalil  
sukan@hmetro.com.my



Nilai: Selepas meraih pingat emas acara lompat kijang pada Sukan Sea ke-32 di Kemboja, Andre Anura Anuar, menasarkankan untuk memecah catatan peribadi terbaik pada tiga kejohanan besar yang bakal dihadapinya tahun ini.

Ia membabitkan Kejohanan Trek dan Padang Asia (ATF) di Bangkok, Thailand, pada Julai disusuli Sukan Universiti Dunia dan Sukan Asia yang kedua-duanya dijadual bakal berlangsung di China sekitar Julai dan September depan.

Atlet berusia 22 tahun berasal dari Sabah itu mahu memastikan catatan terbaik peribadinya 16.51 meter (m) yang dicatatkan pada Sukan Sea di Hanoi tahun lalu, mampu diperbaharui pada tiga kejohanan terbabit.

"Selepas Sukan Sea di Kemboja, fokus saya selepas ini adalah untuk membuat persiapan menghadapi tiga temasya sukan terbesar iaitu Kejohanan ATF di Thailand, Sukan Universiti Dunia dan Sukan Asia di China.

"Saya bersyukur kerana kecederaan yang dialami sebelum ini sudah pulih dan berharap prestasi terbaik dapat dicapai dalam tempoh dua bulan ini.

"Harapan memang tinggi iaitu untuk memecahkan rekod peribadi 16.51m tetapi jika dapat kekalkan catatan itu ia sudah memadai kerana bakal berhadapan dengan pencabar lebih hebat di peringkat Asia," katanya.

Dia ditemui pada majlis ramah mesra dan meraikan kejayaan atlet Sukan Sea Kemboja bersama syarikat Ajinomoto (Malaysia) Berhad (AMB) di Pusat Hab Halal Bandar Enstek, di sini, petang ini.

Selain Andre Anura, dua lagi atlet olahraga kebangsaan yang turut dirai ialah Queenie Ting, bagi acara lempar cakera dan atlet lompat galah, Nor Sarah Adi, yang masing-masing meraih pingat perak di temasya berkenaan.

Andre Anura berkata, persiapan latihannya ketika ini berjalan lancar selepas bebas daripada masalah kecederaan.

"Saya berharap dapat memberikan tumpuan sepenuhnya kepada latihan dan mampu mencipta kejayaan lebih baik di pentas antarabangsa tahun ini," katanya.

Sementara itu, Queenie menegaskan betapa dia masih memburu catatan 58m selepas rekod yang dicatatkan di Kemboja sekadar 52.36m.

Menurut atlet kelahiran Sarawak itu, dia akan berusaha memastikan sasaran itu dapat dicapai pada suatu tempoh yang terdekat atau tahun ini.

"Saya perlu bekerja lebih keras dalam latihan untuk memastikan suatu catatan melebihi 58m dapat dilakukan menjelang kejohanan akan datang," katanya.

Terdahulu, ketiga-tiga atlet terbabit mengambil bahagian dalam program pemakanan sukan di bawah Projek Kemenangan Asean, yang menjadi sebahagian daripada aktiviti sokongan AMB terhadap atlet negara.